


MAKLUMAT TAMBAHAN

- **EIA dan PAT perlu mendapat kelulusan JAS terlebih dahulu sebelum cadangan pemajuan dikemukakan kepada OSC. Kelulusan PAT hendaklah diperolehi terlebih dahulu sebelum penyediaan EIA.**

LAMPIRAN A

CARTA ALIR PERMOHONAN CADANGAN PEMAJUAN DI PERINGKAT KEBENARAN MERANCANG BAGI PEMAJUAN TERTAKLUK EIA JABATAN ALAM SEKITAR (JAS)


PROSEDUR EIA AWAL (rujuk senarai aktiviti EIA di Lampiran A(i))



LAMPIRAN B

**CARTA ALIR PERMOHONAN CADANGAN PEMAJUAN DI PERINGKAT KEBENARAN
MERANCANG BAGI PEMAJUAN TERTAKLUK EIA
JABATAN ALAM SEKITAR (JAS)**


PROSEDUR EIA TERPERINCI (rujuk senarai di Lampiran B(i))



LAMPIRAN C

CARTA ALIR PERMOHONAN CADANGAN PEMAJUAN DI PERINGKAT KEBENARAN MERANCANG BAGI PEMAJUAN TIDAK TERTAKLUK EIA JABATAN ALAM SEKITAR (JAS)

PROSEDUR PENILAIAN AWAL TAPAK (PAT) BAGI PEMBINAAN KILANG BARU DAN GUDANG



Lampiran 2

**JABATAN ALAM SEKITAR
SENARAI SEMAK DOKUMEN PERMOHONAN KEBENARAN MERANCANG**

BIL	JENIS DAN BILANGAN DOKUMEN YANG DISEMAK OLEH OSC	ADA/TIADA	CATATAN
1	<u>CADANGAN PEMAJUAN BUKAN EIA BAGI PEMBINAAN KILANG BARU DAN GUDANG</u>		
	Bil	Dokumen	Bilangan Dokumen
	i	Surat permohonan rasmi	1
	ii	Laporan Cadangan Pemajuan (LCP)	1
	iii	Ulasan Penilaian Awal Tapak (PAT) daripada Jabatan Alam Sekitar.	1
	iv	Pelan Susunatur dan satu salinan CD yang mengandungi maklumat cadangan pemajuan, di dalam format AutoCAD (DXF/DWG).	1
	v	Pelan Kunci	1
	vi	Pelan Lokasi	1
2	<u>CADANGAN PEMAJUAN TERTAKLUK EIA (rujuk senarai di Lampiran A(i) atau B(i))</u>		
	i.	surat kelulusan EIA dan syarat-syarat kelulusan EIA yang sah. Permohonan tanpa surat dan syarat kelulusan yang sah hendaklah ditolak oleh OSC.	1

BIL	JENIS DAN BILANGAN DOKUMEN YANG DISEMAK OLEH OSC	ADA/TIADA	CATATAN
	<p>ii. Bagi pemohon yang belum mendapat kelulusan EIA, sila rujuk carta alir di Lampiran A atau B bagi prosedur permohonan kelulusan EIA. Kajian dan Laporan EIA hendaklah dijalankan dan dikemukakan oleh Jururunding EIA berdaftar dengan Jabatan Alam Sekitar (senarai jururunding EIA berdaftar- rujuk laman web JAS di www.doe.gov.my) dan mengikut garis panduan yang ditetapkan.</p> <p><i>Nota 1: Sekiranya cadangan pemajuan tidak dilaksanakan dalam tempoh 2 tahun dari tarikh kelulusan EIA, kelulusan EIA adalah terbatal.</i></p> <p><i>Nota 2: Sekiranya pemohon tidak mengemukakan surat kelulusan EIA daripada Jabatan Alam Sekitar, permohonan hendaklah ditolak. Pemohon perlu mendapatkan kelulusan laporan EIA terlebih dahulu daripada Jabatan Alam Sekitar</i></p>		

LAMPIRAN A(i)

SENARAI AKTIVITI-AKTIVITI YANG DITETAPKAN DI BAWAH

**PERINTAH KUALITI ALAM SEKELILING
(AKTIVITI YANG DITETAPKAN) (PENILAIAN KESAN KEPADA ALAM SEKELILING)1987-
EIA**

1. PERTANIAN:

- (a) Skim-skim kemajuan tanah yang meliputi kawasan seluas 500 hektar atau lebih untuk menjadikan tanah hutan tanah pengeluaran pertanian.
- (b) Program-program pertanian yang memerlukan penempatan semula 100 keluarga atau lebih.
- (c) Pembangunan estet pertanian yang meliputi kawasan seluas 500 hektar atau lebih yang melibatkan perubahan jenis-jenis kegunaan pertanian.

2. LAPANGAN TERBANG

- (a) Pembinaan lapangan-lapangan terbang (yang mempunyai landasan kapal terbang sepanjang 2,500 meter atau lebih).
- (b) Pembinaan landasan kapal terbang di dalam taman-taman negeri dan negara.

3. SALIRAN DAN PENGAIRAN:

- (a) Pembinaan ampangan-ampangan dan tasik-tasik buatan manusia dan pembesaran bukan semula jadi tasik-tasik dengan kawasan permukaan seluas 200 hektar atau lebih.
- (b) Saliran kawasan paya, kawasan hidupan liar atau hutan dara yang meliputi kawasan seluas 100 hektar atau lebih.
- (c) Skim-skim pengairan yang meliputi kawasan seluas 5,000 hektar atau lebih.

4. TEBUSGUNA TANAH:

Penebusgunaan kawasan pantai yang melibatkan kawasan seluas 50 hektar atau lebih.

5. PERIKANAN:

- (a) Pembinaan labuhan-labuhan pendaratan ikan.
- (b) Peluasan labuhan yang melibatkan pertambahan sebanyak 50 peratus atau lebih dalam keupayaan pendaratan ikan setahun.

- (c) Projek-projek akuakultur berasaskan penggunaan tanah berserta dengan pembersihan hutan paya laut meliputi kawasan seluas 50 hektar atau lebih.

6. PERHUTANAN:

- (a) Pengubahan penggunaan tanah hutan bukit kepada kegunaan tanah lain meliputi kawasan seluas 50 hektar atau lebih.
- (b) Pembalakan atau pengubahan penggunaan tanah hutan kepada kegunaan tanah lain di dalam kawasan tadahan di kolam-kolam takungan air yang digunakan bagi bekalan air perbandaran, pengairan atau penjanaan kuasa hidro atau dalam kawasan-kawasan yang bersempadan dengan taman-taman negeri dan negara dan taman-taman laut negara.
- (c) Pembalakan meliputi kawasan seluas 500 hektar atau lebih.
- (d) Pengubahan penggunaan kawasan hutan paya laut bagi kegunaan perindustrian, perumahan atau pertanian meliputi kawasan seluas 50 hektar atau lebih.
- (e) Pembersihan kawasan hutan paya laut di pulau-pulau bersebelahan dengan taman-taman laut.

7. PERUMAHAN:

Pemajuan perumahan meliputi kawasan seluas 50 hektar atau lebih.

8. INDUSTRI:

- (a) Kimia - Jika keupayaan pengeluaran bagi setiap hasil keluaran atau gabungan hasil keluaran melebihi 100 tan metrik/hari.
- (b) Petrokimia - Semua saiz
- (c) Bukan besi - Peleburan utama:
 - Aluminium - semua saiz
 - Kuprum - semua saiz
 - Lain-lain - mengeluarkan 50 tan metrik/hari atau lebih hasil keluaran
- (d) Bukan logam-
 - Simen - bagi trupert batu hangus sebanyak 30 tan metrik/jam atau lebih.
 - Kapur - 100 tan metrik/hari kapur atau lebih dengan menggunakan relau putar atau 50 tan metrik/hari atau lebih dengan menggunakan relau tegak.
- (e) Besi dan besiwaja - Memerlukan bijih besi sebagai bahan mentah bagi pengeluaran melebihi 100 tan metrik/hari; atau

- Menggunakan besi sekerap sebagai bahan mentah bagi pengeluaran melebihi 200 tan metrik/hari.
- (f) Tempat membina kapal - Tanan Berat Muatan melebihi 5,000 tan metrik.
- (g) Industri kertas dan pulpa- Keupayaan pengeluaran melebihi 50 tan metrik/hari.

9. INFRASTRUKTUR:

- (a) Pembinaan hospital dengan alur keluar dalam kawasan permukaan pantai yang digunakan bagi tujuan rekreasi.
- (b) Pembangunan estet perindustrian bagi industri-industri sederhana dan berat meliputi kawasan seluas 50 hektar atau lebih.
- (c) Pembinaan lebuhraya bandar.
- (d) Pembinaan lebuhraya nasional.
- (e) Pembinaan bandar-bandar baru.

10. PELABUHAN

- (a) Pembinaan pelabuhan-pelabuhan.
- (b) Peluasan pelabuhan yang melibatkan 50 peratus atau lebih dalam keupayaan pengendalian setahun.

11. PERLOMBONGAN

- (a) Perlombongan bahan galian di kawasan-kawasan baru di mana pajakan perlombongan meliputi jumlah kawasan melebihi 250 hektar.
- (b) Pemprosesan bijih, termasuk pemekatan aluminium, kuprum, emas atau tantalum.
- (c) Pengorekan pasir yang melibatakan kawasan seluas 50 hektar atau lebih.

12. PETROLEUM

- (a) Pemajuan medan minyak dan gas.
- (b) Pembinaan talian paip yang panjangnya melebihi 50 kilometer di daratan dan di luar pantai.
- (c) Pembinaan kemudahan-kemudahan bagi pengasingan, pemerosesan, pengendalian dan penstoran minyak dan gas.
- (d) Pembinaan kilang-kilang penapis minyak.

- (e) Pembinaan depot keluaran bagi penstoran petrol, gas atau diesel (tidak termasuk stesen-stesen servis) yang terletak di dalam lingkungan 3 kilometer dari kawasan perdagangan, perindustrian atau kediaman dan yang mempunyai keupayaan penstoran tergabung sebanyak 60,000 tong atau lebih.

13. PENJANAAN DAN PEMANCARAN KUASA

- (a) Pembinaan stesen janakuasa stim yang menggunakan bahan api fosil dan yang mempunyai keupayaan melebihi 10 megawatt.
- (b) Skim-skim ampangan dan kuasa hidroelektrik dengan salah satu atau kedua-dua yang berikut:
 - (i) ampangan-ampangan yang ketinggiannya melebihi 15 meter dan struktur-struktur sampangan yang meliputi kawasan melebihi 40 hektar;
 - (ii) kolam-kolam takungan air dengan kawasan permukaan melebihi 400 hektar.
- (c) Pembinaan stesen-stesen janakuasa kitar padu.
- (d) Pembinaan stesen janakuasa yang menggunakan bahan api nuklear.

14. KUARI

Cadangan penguarian agregat, batu kapur, silika, kuarzit, batu pasir, marmar dan batu bangunan untuk hiasan yang termasuk dalam lingkungan 3 kilometer dari kawasan kediaman, perniagaan atau perindustrian yang sedia wujud atau manamana kawasan yang berkenaan dengannya telah ada diberikan lesen, permit atau kelulusan bagi pemajuan kediaman, perniagaan atau perindustrian.

15. KERETAPI

- (a) Pembinaan laluan-laluan baru.
- (b) Pembinaan landasan-landasan cabang.

16. PENGANGKUTAN

Pembinaan projek-projek Pengangkutan Laju Massa.

17. PEMAJUAN REKREASI DAN PERANGINAN

- (a) Pembinaan kemudahan-kemudahan tempat peranginan atau hotel-hotel yang mempunyai lebih daripada 80 bilik di kawasan pantai.
- (b) Pemajuan tempat peranginan atau hotel yang meliputi kawasan seluas 50 hektar atau lebih di kawasan bukit.

- (c) Pemajuan kemudahan-kemudahan pelancongan atau rekreasi di dalam kawasan taman-taman negara.
- (d) Pemajuan kemudahan-kemudahan pelancongan atau rekreasi di pulau-pulau dalam perairan di sekeliling yang telah diwartakan sebagai taman-taman laut negara.

18. PENGOLAHAN DAN PELUPUSAN BUANGAN

- (a) Buangan Toksik dan Berbahaya:
 - (i) Pembinaan loji penunuan
 - (ii) Pembinaan loji pulihguna (luar-tapak)
 - (iii) Pembinaan loji pengolahan air buangan (luar tapak)
 - (iv) Pembinaan kemudan penimbusan tanah selamat
 - (v) Pembinaan kemudahan penstoran (luar tapak)
- (b) Buangan Pepejal Perbandaran:
 - (i) Pembinaan penunuan
 - (ii) Pembinaan loji kompos
 - (iii) Pembinaan loji pulihguna/gunasemula
 - (iv) Pembinaan kemudahan-kemudahan penimbusan tanah buangan pepejal
- (c) Kumbahan Perbandaran
 - (i) Pembinaan loji pengolahan air buangan
 - (ii) Pembinaan alur-keluar laut

19. BEKALAN AIR

- (a) Pembinaan ampangan-ampangan atau kolam takungan air yang kawasan permukaannya seluas 200 hektar atau lebih.
- (b) Pemajuan air dalam tanah bagi bekalan air perindustrian, pertanian atau kawasan bandar yang melebihi 4,500 meter padu sehari.

Diperbuat pada 30hb September 1987.

DATUK AMAR STEPHEN K.T. YONG,
Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar

LAMPIRAN B(i)

**SENARAI AKTIVITI-AKTIVITI YANG DITETAPKAN YANG MEMERLUKAN
KAJIAN EIA DIJALANKAN MELALUI PROSEDUR EIA TERPERINCI**

1. Kilang keluli & besi
2. Kilang kertas dan pulpa
3. Kilang simen
4. Loji janakuasa arang batu
5. Pembinaan empangan (bekalan air & hidroelektrik)
6. Penambakan pantai
7. Loji penunuan (buangan terjadual & sisa pepejal)
8. Tapak pelupusan sampah sarap
9. Projek-projek yang melibatkan pembukaan tanah di mana 50% atau lebih meliputi kawasan mempunyai kecerunan melebihi 25 darjah (kecuali kuari)
10. Pembalakan meliputi kawasan melebihi 500 hektar
11. Pemajuan kemudahan-kemudahan pelancongan atau rekreasi di pulau-pulau dalam perairan sekeliling yang telah diwartakan sebagai taman-taman laut negara
12. Pembinaan loji pulihguna (luar tapak) bagi buangan bateri asid-plumbum
13. Pulihguna buangan terjadual (luar tapak) yang menghasilkan effluent yang signifikan dan terletak di hulu takat pengambilan air minuman

Lampiran 2A

**JABATAN ALAM SEKITAR
SENARAI SEMAK TERPERINCI PERMOHONAN KEBENARAN MERANCANG**

BIL	PERKARA-PERKARA YANG DISEMAK SELARAS KEPERLUAN JABATAN/AGENSI	ADA/TIADA	CATATAN
1	<p><u>CADANGAN PEMAJUAN BUKAN EIA BAGI PEMBINAAN KILANG BARU DAN GUDANG</u></p> <ul style="list-style-type: none"> • Surat permohonan rasmi. • Laporan Cadangan Pemajuan (LCP) • Ulasan Penilaian Awal Tapak (PAT) daripada Jabatan Alam Sekitar. • Sekiranya belum mendapat ulasan PAT daripada Jabatan Alam Sekitar, pemohon perlu melengkapkan borang AS PAT untuk dimajukan oleh OSC kepada Jabatan Alam Sekitar. Permohonan tanpa borang AS PAT yang lengkap hendaklah ditolak oleh OSC. • Pelan Susunatur dan satu salinan CD yang mengandungi maklumat cadangan pemajuan, di dalam format AutoCAD (DXF/DWG). • Pelan Kunci. • Pelan Lokasi. 		
2	<p><u>CADANGAN PEMAJUAN TERTAKLUK EIA (rujuk senarai di Lampiran A(i) atau B(i))</u></p> <p>- 1 salinan surat kelulusan EIA dan syarat-syarat kelulusan EIA yang sah.</p>		

	<p>Permohonan tanpa surat dan syarat kelulusan yang sah hendaklah ditolak oleh OSC.</p> <p>- Bagi pemohon yang belum mendapat kelulusan EIA, sila rujuk carta alir di <u>Lampiran A atau B</u> bagi prosedur permohonan kelulusan EIA. Kajian dan Laporan EIA hendaklah dijalankan dan dikemukakan oleh Jururunding EIA berdaftar dengan Jabatan Alam Sekitar (senarai jururunding EIA berdaftar- rujuk laman web JAS di www.doe.gov.my) dan mengikut garispanduan yang ditetapkan-</p> <p><i>Nota 1: Sekiranya cadangan pemajuan tidak dilaksanakan dalam tempoh 2 tahun dari tarikh kelulusan EIA, kelulusan EIA adalah terbatal.</i></p> <p><i>Nota 2: Sekiranya pemohon tidak mengemukakan surat kelulusan EIA daripada Jabatan Alam Sekitar, permohonan hendaklah ditolak. Pemohon perlu mendapatkan kelulusan laporan EIA terlebih dahulu daripada Jabatan Alam Sekitar</i></p>		
--	--	--	--



BORANG AS PAT
FORM AS PAT

BORANG PENAPISAN AWAL UNTUK PEMBINAAN KILANG BARU
PRELIMINARY SCREENING FORM FOR THE ESTABLISHMENT
OF NEW FACTORY

JABATAN ALAM SEKITAR
KEMENTERIAN SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR
BLOK 2&3, LOT 4G3, PRESINT 4
PUSAT PENTADBIRAN KERAJAAN PERSEKUTUAN
62662 PUTRAJAYA
TEL. : 03 -88871200

BORANG PENAPISAN AWAL UNTUK PEMBINAAN KILANG BARU*PRELIMINARY SCREENING FORM FOR THE ESTABLISHMENT
OF NEW FACTORY***A. PENGENALAN
IDENTIFICATION**

1. * Nama Daftaran Syarikat: _____
Name of Registered Company:

2. Nama pemilik/Lembaga Pengarah: _____
Name of owner/Board of Directors:

3. Alamat Ibu Pejabat: _____
Address of Head Office:

Telefon: _____
Telephone:

Faks: _____
Fax:

4. Alamat surat menyurat: _____
Address of correspondence:

5. (i) Nama Pemohon : _____
Name of Applicant:

(ii) Jawatan Pemohon: _____
Designation of Applicant:

(iii) Alamat Pemohon: _____
Address of Applicant:

Telefon: _____
Telephone:

Faks: _____
Fax:

6. Nama dan Alamat
Perunding Yang Dilantik: _____
*Name and Address of
Appointed Consultant:*

7. Nama Pengurus Kilang: . _____
Name of Factory Manager:

8. (i) Alamat Kilang: _____
Address of Factory:

Telefon: _____

Faks: _____

Telephone:

Fax:

(ii) Garis Lintang: _____ Garis Bujur : _____
 Latitude: _____ Longitude: _____

9. Kembangkan satu pelan tapak menunjukkan kedudukan kilang, kawasan perumahan, alurair/sungai dan lain-lain penggunaan tanah dalam lingkungan 1 km jejari dari tapak kilang.

Attach a site plan showing the factory location, residential area, water course/river and other landuse within 1 km radius of the site.

10. Adakah tapak cadangan terletak di dalam kawasan perindustrian yang diwartakan?
Is the proposed site situated in a gazatted industrial zone or estate?

Ya / Yes

Tidak /No

11. (i) Kalau ya, berikan nama kawasan perindustrian tersebut serta bukti mengenainya.

If yes, specify the name of the industrial estate and attach supporting document.

(ii) Kalau tidak, sila terangkan tempat tersebut dan sertakan salinan sural kelulusan syarat tanah.
If not, briefly describe the location and attach a copy of the approval letter for land conversion.

* Sila kepilkan sijil pendaftaran syarikat
Please attach registration certificate of company

B

**MAKLUMAT OPERASI
 OPERATIONAL INFORMATION**

12. (i) Senarai Bahan-Bahan Mentah Yang Digunakan
List of Raw Materials Used

PerkaralNama <i>Item/Name</i>	Unit Kuantiti <i>Unit of Quantity</i>	Kuantiti Sebulan <i>Quantity Per Month</i>
_____	_____	_____
_____	_____	_____
_____	_____	_____
_____	_____	_____
_____	_____	_____
_____	_____	_____

13. (ii) Senarai Bahan-Bahan Kimia Yang Digunakan:
List of Chemicals Used

Nama <i>Name</i>	Unit Kuantiti <i>Unit of Quantity</i>	Kuantiti Sebulan <i>Quantity Per Month</i>
_____	_____	_____
_____	_____	_____
_____	_____	_____
_____	_____	_____

14. Senarai Hasil Pengeluaran:

List of Products :

Nama Name	Unit Kuantiti Unit of Quantity	Kuantiti Sebulan Quantity Per Month
_____	_____	_____
_____	_____	_____
_____	_____	_____
_____	_____	_____
_____	_____	_____
_____	_____	_____

15. Jadual Operasi:

Schedule of Operation

(i)	Bilangan Syif Sehari: Number of Shifts Per Day:	Purata Average _____	Maksimum Maximum _____
(ii)	Masa Operasi: Hours of Operation:	Purata Average _____	Maksimum Maximum _____
(iii)	Bilangan Hari Operasi: Days of Operation:	Seminggu Per Week _____	Sebulan Per Month _____
		Setahun Per Year _____	

**C HURAIAN PROSES-PROSES PENGELUARAN
DESCRIPTION OF PRODUCTION PROCESSES**

16. Terangkan dengan secara terperinci semua proses pengeluaran dan kembangkan rajah aliran berkaitan.
Describe in detail all production processes and attach relevant flow diagrams.

**D MAKIUMAT-MAKIUMAT BEKALAN AIR
WATER SUPPLY INFORMATION**

Kegunaan Air Water Consumption	Punca Source	Kuantiti Purata Sehari(Meterpadu) Average Quantity Per Day (Cubic Meter)
(i) Air Minum: Potable Water:	_____	_____
(ii) Air Proses: Process Water:	_____	_____
(iii) Air Bekalan Dandang: Boiler Feed Water:	_____	_____
(iv) Air Penyejuk: Cooling Water:	_____	_____
(v) Lain-lain: Others:	_____	_____

E **MAKLUMAT MENGENAI BEKALAN BAHANAPI DAN PENGGUNAAN TENAGA**
FUEL SUPPLY AND ENERGY USAGE INFORMATION

18. Penggunaan Tenaga Elektrik / *Electricity Usage*

Alat-Alat <i>Equipment</i>	Punca Tenaga <i>Source of Energy</i>	Kuantiti Purata Sehari, Kwh <i>Average Quantity Per Day, Kwh</i>
_____	_____	_____
_____	_____	_____
_____	_____	_____
_____	_____	_____
_____	_____	_____
_____	_____	_____

19. Penggunaan Bahanapi
Fuel Consumption

Alat-Alat <i>Equipment</i>	Bilangan <i>Quantity</i>	Jenis Bahanapi <i>Type of Fuel</i>	Kuantiti, Kg/jam <i>Quantity, K1!;/Hr</i>
(i) Dandang: <i>Boiler</i>	_____	_____	_____
(ii) Dapur: <i>Cooker/Oven:</i>	_____	_____	_____
(iii) Janakuasa: <i>Generator:</i>	_____	_____	_____
(iv) Insinerator: <i>Incinerator:</i>	_____	_____	_____
(v) Lain-lain (nyatakan) <i>Others (specify)</i>	_____	_____	_____

F **MAKLUMAT MENGENAI PENCEMARAN / INFORMATION ON POLLUTION**

20. Dari rajah aliran bagi semua proses pengeluaran, sila tunjukkan tempat pelepasan pencemaran dan jenisnya.
From the flow diagrams attached, show the points of emission /discharge and types of pollutants emitted.

(i) Tempat Pelepasan <i>Points of Emmision/ Discharge</i>	(ii)Jenisnya <i>Types of Pollutants</i>	(iii) Kuantiti <i>Quantity</i>
_____	_____	_____
_____	_____	_____
_____	_____	_____
_____	_____	_____

21. (i) Adakah perusahaan tuan menghasilkan sebarang buangan pepejal?
Do the processes produce any solid waste?

Ya Tidak
 yes No

(ii) Kalau ya, sebutkan kaedah pelupusan dan juga tempat pelupusan
If yes, specify the type of disposal and also the disposal site

(iii) Alat-alat yang mengeluarkan bunyi bising:
Noise emitting equipment used in the factory:

<i>Alat / Equipment</i>	<i>Kuasa Kuda / Horse Power</i>
_____	_____
_____	_____
_____	_____
_____	_____
_____	_____

**G. MAKLUMAT TAMBAHAN
 ADDITIONAL INFORMATION**

22. Perkara-perkara berikut hendaklah disertakan sebagai lampiran.
The following should be provided as attachments.

- (i) *Pelan Susunatur / Layout Plan*
- (ii) *Alat kawalan yang dicadangkan dipasang/iangkah-langkah kawalan yang akan diambil bagi pencemaran air, udara, bunyi bising, bau serta buangan pepejal/buangan terjadual. Sila kemukakan bersama dokumen-dokumen/katalog-katalog/butir-butir penerangan yang berkaitan.
 Proposed control equipment /measures to be taken to control air, water, noise, odour, solid waste and toxic waste pollution. Please submit documents/catalogues and explanatory notes that are relevant.*

Saya yang bertandatangan di bawah ini, mengaku bahawa segala maklumat yang diberi dalam borang ini adalah benar dan betul sepanjang pengetahuan dan kepercayaan saya.

I, the undersigned, certify that the information given in this application form is to the best of my knowledge and belief true and correct

Tarikh / Date : _____

T andatangan Pegawai Pelapor: _____
Signature of Reporting Official

Nama Penuh: _____
Full Name

Jawatan: _____
Designation

SENARAI SEMAK PERMOHONAN
CHECKLIST OF APPLICATION

Bil. <i>Bil.</i>	Perkara <i>Subject</i>	Ada <i>Yes</i>		Tiada <i>No</i>
		Lengkap <i>Complete</i>	Tidak Lengkap <i>Incomplete</i>	
1	Surat rasmi menerangkan maksud permohonan P.A.T <i>Formal letter explaining the purpose of the application.</i>			
2	Borang AS PAT diisi dengan lengkap. <i>(Form AS PAT completely filled.</i>			